



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (KUMPULAN 3)  
PEJABAT WAWASAN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN  
PEJABAT WAWASAN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
KUMPULAN 3 (\$4,750 EB KHAS \$4,960 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar Awam / *Economics* / *Environmental Management* / *International Relations* / Pentadbiran Awam / Sains / Sains Sosial / *Sustainable Development* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Perancangan Strategik – merangka dan menyelaraskan pelan tindakan Sustainable Development Goal Negara Brunei Darussalam (SDG NBD) selaras dengan dasar kebangsaan;
2. Pemantauan dan Penilaian – memantau, menganalisis dan melaporkan kemajuan pencapaian SDG NBD dan kesan program;
3. Penyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDG NBD – menyelaraskan mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDG NBD, dan kumpulan kerja dan komiti yang berkaitan, termasuk penyediaan agenda, minit dan tindakan susulan;
4. Pengurusan Pihak Berkepentingan – mengurus hubungan dan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan termasuk kerajaan, pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan rakan strategik;
5. Pengurusan Program dan Projek – merancang, melaksanakan dan menyelia projek SDG NBD mengikut tempoh dan peruntukan yang ditetapkan;



6. Pembiayaan dan Sumber – mengenal pasti peluang pembiayaan, menyediakan kertas cadangan;
7. Komunikasi – mempromosi kesedaran SDG dan mewakili Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam forum, persidangan dan sebagainya;
8. Penyelidikan dan Pembangunan Dasar – menjalankan penyelidikan dan memberi input kepada pembangunan dasar berkaitan SDG; dan
9. Kepimpinan dan Pengurusan Pasukan – memimpin dan membangun pasukan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program SDG NBD.